

# Ramai wanita tidak mendapatkan rawatan dialisis

Kadar kemandirian wanita menghidap penyakit buah pinggang kronik lebih rendah berbanding lelaki

**KUALA LUMPUR:** Wanita di Malaysia yang mengalami Penyakit Buah Pinggang Kronik (CKD) mempunyai kadar kemandirian yang rendah berbanding lelaki kerana kebanyakan mereka tidak mendapatkan rawatan dialisis.

Pengerusi Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) Datuk Dr Zaki Morad Mohamad Zaher berkata wanita yang mengalami kegagalan fungsi buah pinggang berada pada kadar 10 peratus lebih rendah daripada lelaki untuk menerima rawatan dialisis.

masih bertangguh-tangguh untuk membuat pemeriksaan kesihatan dengan alasan untuk menjaga keluarga.

“Kajian baru-baru ini juga menunjukkan wanita lebih berisiko menghidap Penyakit Buah Pinggang Kronik berbanding lelaki dengan kelaziman purata 14 peratus di kalangan wanita dan 12 peratus dalam kalangan lelaki,” kata beliau pada sidang media semasa acara sambutan ‘Hari Buah Pinggang Sedunia 2018’ di sebuah pusat beli-belah di sini, semalam.

Beliau juga berkata CKD

“Sehingga hari ini, tiada alasan yang membuktikan mengapa penyakit ini meletakkan wanita menghadapi risiko lebih tinggi tetapi kita cenderung untuk percaya bahawa ada faktor-faktor sosial lain seperti wanita masih bertangguh-tangguh untuk membuat pemeriksaan kesihatan dengan alasan untuk menjaga keluarga.”

Datuk Dr Zaki Morad Mohamad Zaher  
Pengerusi NKF

“Sehingga hari ini, tiada alasan yang membuktikan mengapa penyakit ini meletakkan wanita menghadapi risiko lebih tinggi tetapi kita cenderung untuk percaya bahawa ada faktor-faktor sosial lain seperti wanita tidak menunjukkan tanda-tanda, oleh itu adalah penting untuk semua orang membuat pemeriksaan dari semasa kesemasa dan lebih proaktif dalam mengesan penyakit tersebut. “Ia memungkinkan seh-



**RASMI:** Brian menurunkan tandatangan pada plak perasmian Buku Resipi Pesakit Dealisis pada Majlis Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2018 anjuran Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) di ibu negara semalam. Turut bersama Dr Zaki (empat kiri).

— Gambar Bernama

ingga 90 peratus kegagalan fungsi buah pinggang tanpa mengalami sebarang tanda,” kata beliau.

“Secara umum, sudah diketahui bahawa wanita menghadapi risiko mortaliti yang lebih rendah berbanding lelaki. Bagaimanapun yang menge-

jutkan kajian menunjukkan bahawa untuk pesakit dialisis, tiada kelebihan kemandirian untuk wanita.

“Wanita di kawasan luar bandar lebih cenderung untuk kurang menyedari tentang kesihatan buah pinggang berbanding wanita di kawasan

bandar,” kata beliau.

Dr Zaki berkata statistik baru-baru ini menunjukkan bahawa 61 peratus daripada pesakit baharu dialisis di negara ini didapati menghidap diabetes sementara 18 peratus lagi mengalami kegagalan fungsi buah pinggang tahap

akhir akibat hipertensi.

Pada acara semalam, beberapa aktiviti berkaitan kesihatan dianjurkan seperti pemeriksaan kesihatan, ceramah kesihatan, senaman Zumba dan demonstrasi masakan oleh Chef Abang Bryan.

— Bernama